

TAHUN 10 BILANGAN 23 RABU 15 SEPTEMBER, 1965 1385 جمادىالاول رابو 19 PERCHUMA

PERKAHWINAN DI-RAJA

ISTIADAT BERBEDAK DI-RAJA — HARI INI

ISTIADAT AKAD NIKAH — ESOK

BANDAR BRUNEI. — Istiadat Bersiram Berbedak Lulutan ka-pada Puteri Diraja, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna akan di-adakan di-Istana Darul Hana pada pukul 2 petang hari ini.

Pada pukul 8 malam ini pula akan di-adakan Istiadat Berbedak Diraja di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Isteri akan berangkat ka-Istiadat tersebut.

Istiadat Berbedak Diraja itu akan di-mulakan dengan di-dahu-

lui oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menchuliki Bedak Di-Raja kapada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan di-ikuti oleh tembakan meriam 17 das.

Istiadat menchuliki Bedak Diraja itu akan di-ikuti oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Raja Isteri dan pembesar2 negara.

Istiadat Akad Nikah Pengantin Diraja akan di-adakan esok hari Khamis 16 September, di-Istana Darussalam, Kampong Sumbiling.

Menurut ranchangan yang telah di-tetapkan, Pembesar2 Negara, Pengiran2 dan para jemputan tiba di-Istana Darussalam mulai pada pukul 2 petang.

Berbetulan pada pukul 3-30 petang, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman dan rombongan berangkat ka-Istana Darussalam dengan di-iringi oleh Alat Kebesaran Diraja.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan rombongan berangkat tiba di-Istana Darussalam pada pukul 3-45 petang.

Istiadat Mengakad Nikah akan di-jalankan oleh Kadzi Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Haji Mohamed Salleh dan di-iringi oleh tembakan meriam sebanyak 9 das ia-itu sa-bagai menandakan Istiadat Mengakad Nikah di-jalankan.

Kemudian Do'a Selamat akan di-bachakan oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara Abang Razali bin Haji Zainuddin.

Sa-lepas itu Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman pun meninggalkan Istana Darussalam.

*Menghadhiri
Persidangan
Belia2 Dan
Kanak2
Sa-Asia*

BERAKAS — Penolong Menteri Kebajikan dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohamed Limbang dan Pegawai Kebajikan Masharakat Negara Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri telah berlepas ka-Bangkok, Thailand pada petang hari Khamis 9 September untok menghadhiri Persidangan untok Kanak2 dan Belia2 Sa-Asia.

Dua orang lagi Wakil2 Kerajaan Brunei ka-Persidangan tersebut telah pun berlepas ka-Bangkok dengan kapal terbang terlebih dahulu.

Mereka ia-lah Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan Brunei dan Doktor J. S. Gould.

**ISTIADAT TAMAT
LATEHAN REKRUT2
A.M.D.B.**

BERAKAS. — Satu istiadat tamat latehan seramai 33 orang rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei, pengambilan yang keempat akan di-adakan di-Berakas Kem pada pukul 8 pagi hari Sabtu 18 September, 1965.

Perbarisan itu akan di-ketuai oleh Lieutenant Husain Hj. Mohamed. Brigadier Tuzo akan memeriksa perbarisan tersebut.

BANDAR BRUNEI. — Persediaan2 telah pun di-selenggarakan di-Daerah2 Brunei, Belait, Tutong dan Temburong untok menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kali yang ke-49.

Berbagai2 achara sambutan yang meriah, mengandongi temasha2 siang seperti sokan dan perlumbaan perahu serta temasha2 malam seperti Malam Anika Warna akan di-adakan pada masa perayaan tersebut.

Kemonchak dari perayaan2 itu ia-lah Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang akan di-adakan di-Bandar Brunei pada hari Khamis 23 September, 1965 dan Istiadat Mengadap di-Istana Darul Hana pada hari itu juga.

Hari tersebut akan di-ishtiharkan sa-bagai Hari Kelepasan Awam di-seluruh Negeri Brunei.



Pada 11 September yang baru lalu, istiadat menghantar tanda pertunangan diraja telah di-langsungkan. Dalam gambar ini Yang Mulia Pengarah Haji Mokti kelihatan mengusong sa-orang kanak2 perempuan yang tidak berbaju tetapi dilengkapi dengan perhiasan pakaian lelaki yang terdiri dari Jamang, gelang pengaluan, geronchong, puntu azimat dan berpanding. Kanak2 ini di-usong ka-Istana Darul Hana sa-bagai tanda pertunangan dari bakal pengantin lelaki kapada pengantin perempuan.

Pepereksaan Bahasa Melayu Untuk Orang2 Yang Bukan Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Bahasa Melayu untuk orang2 yang bukan Melayu akan di-jalankan pada 6, 7 dan 8 Disember, 1965 ia-itu bagi Tingkatan2 Permulaan, Satu, Dua dan Tiga.

Pepereksaan ini terbuka kepada orang2 yang bukan Melayu yang belajar di-kelas2 dewasa anjoran Jabatan Pelajaran Brunei.

Sharat2 memasoki pepereksaan ini ada-lah sabagai berikut: —

(i) Chalun2 itu ia-lah sa-orang pelajar kelas dewasa; dan mempunyai kedatangan persekolahan yang memuaskan.

(ii) Chalun2 hendak-lah mendaftarkan nama-nya dengan mengisi borang yang di-sediakan melalui guru yang mengajar dan mendapat sokongan mengenai kebolehan-nya daripada guru2 tersebut.

(iii) Chalun2 yang hendak

memasoki pepereksaan Tingkatan III hendak-lah telah lulus dalam pepereksaan Tingkatan II dan demikian juga chalun2 yang hendak memasoki pepereksaan Tingkatan II hendak-lah telah lulus dalam pepereksaan Tingkatan I.

Memasoki pepereksaan ini tidak di-kenakan bayaran.

Tempat2 pepereksaan di-jalankan: —

(i) Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah (R.I.F.) atau Bangunan Baru Sekolah Melayu S.M.J.A. — untuk chalun2 di-Bandar Brunei.

(ii) Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin — untuk chalun2 di-Kuala Belait.

(iii) Sekolah Melayu Mohd. Alam — untuk chalun2 di-Seria.

Perkara2 yang akan di-pereksa: —

A. Tingkatan Permulaan dan Tingkatan Satu:

- (i) Bachaan Rumi.
- (ii) Renchana Rumi.
- (iii) Soal Jawab di-Mulut.
- (iv) Bahasa dan Memahami Karangan.
- (v) Karangan dan Surat Kiriman.

B. Tingkatan Dua dan Tiga:

- (i) Bachaan Rumi.
- (ii) Renchana Rumi.
- (iii) Bachaan Jawi.
- (iv) Renchana Jawi.
- (v) Karangan dan Surat Kiriman.
- (vi) Bahasa.
- (vii) Memahami Karangan.
- (viii) Soal Jawab di-Mulut.

Jadual waktu mengenai pepereksaan ini akan di-umumkan kemudian.

Pendaftaran kerana memasoki pepereksaan ini akan di-mulakan dari sekarang dan di-tutup pada 10 Oktober, 1965.

Berbakti-lah Kepada Negara
Dengan Mendokong
Dasar Kerajaan Mengutamakan
Bahasa Melayu

Pepereksaan Trengkas Menaip Dan Ilmu Menyimpan Kira2

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Trengkas, Menaip dan Ilmu Menyimpan Kira2 di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute (Malaysia) dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei, akan di-adakan pada 12 Disember, 1965 dengan jadual2 seperti berikut:

Pepereksaan	Waktu
(a) Trengkas	Mulai jam 2-00 petang
(b) Menaip	" " 9-00 pagi.
(c) Ilmu Menyimpan Kira2 (Book Keeping)	" " 9-00 pagi.

Tempat pepereksaan akan di-atorkan dan di-umumkan kemudian.

Bayaran memasoki pepereksaan tersebut ada-lah seperti berikut: —

Pepereksaan	Tingkatan	Bayaran
(a) Trengkas	Permulaan	\$10.00
	Menengah	\$10.00
	Tertinggi	\$15.00
(b) Menaip	Permulaan	\$10.00
	Menengah	\$10.00
	Tertinggi	\$15.00
(c) Ilmu Menyimpan Kira2 (Book Keeping)	Permulaan	\$15.00
	Menengah	\$15.00
	Tertinggi	\$20.00

Permohonan2 mengenai perkara ini hendak-lah menggunakan borang2 yang boleh di-dapati daripada Guru2 Trengkas, Menaip dan Ilmu Menyimpan Kira2 atau di-Pejabat Pelajaran, Brunei.

Permohonan2 hanya akan di-layan apabila di-sampaikan ka-Pejabat Pelajaran pada atau sa-belum 3 Oktober, 1965.

SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M. Peraduan Perarakan Laut Dan Berchuchul

BANDAR BRUNEI. — Untuk menyambut Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kali yang ke-49, Pengerusi Jawatan Kuasa Peraduan Perarakan Laut dan Berchuchul Rumah2 Kampong Ayer dengan sukachita menjemput Kampong2/Persatuan/Gudang2 Perniagaan/Pejabat2 dan tuan menyertai dalam Peraduan2 yang berikut ini: —

1. Peraduan Perarakan Laut akan di-adakan pada 25 September, 1965 mulai jam 7-00 malam.
2. Peraduan Berchuchul Rumah2 Kampong Ayer akan di-

mulai pada 22 hingga 26 September, 1965. Chuchul mulai dipasang pada jam 6-45 hingga 12.00 malam.

Peraduan ini di-bahagikan kepada dua bahagian:

1. Peraduan Berchuchul Lampu Minyak gas.
2. Peraduan Berchuchul Lampu Elektrik (Jenerita).
3. Peraduan Menyalakan Ungun api (Perunan) di-atas Bukit pada 25 September.

Borang2 untuk memasoki peraduan2 dan keterangan lanjut-nya boleh di-dapati daripada: — Pengerusi Mohamed bin Pg. Badar, d/a Ibu Pejabat Perubatan, Brunei.

Tarikh terakhir bagi menerima borang2 peraduan itu ia-lah pada jam 3-00 petang, 19 September, 1965.

Sharahan Ugama

Islam

BANDAR BRUNEI — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 17 September, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam —

(a) Mulai pukul 11 pagi ka-pukul 12-30 tengah hari di-Masjid Salar, Jalan Muara, Brunei.

(b) Mulai pukul 11 pagi ka-pukul 12-30 tengah hari di-Masjid Tanjong Maya, Tutong. Orang ramai lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suci.

Peraduan Perarakan Darat

BANDAR BRUNEI. — Untuk menyambut Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kali yang ke-49, maka satu peraduan Perarakan Darat akan di-adakan di-Bandar Brunei, pada 24 September, 1965. Peraduan ini terbahagi kepada 2 bahagian: —

(1) Peraduan Perarakan Kereta/Basikal Berhias (siang malam) bagi orang2 kampong, Persatuan2, Kampong2 dan Pejabat2.

Butir2 peraduan dan borang masuk boleh di-dapati daripada Pengerusi Peraduan Perarakan Kereta/Basikal berhias (siang/malam) d/a Pejabat Kemajuan, Brunei dan Pengerusi Peraduan Perarakan Tanglong Berjalan Kaki d/a Pejabat Majlis2 Mahasiswa, Brunei.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 15 September hingga ka-hari Selasa 21 September, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	15	12-21	3-38	6-26	7-38	4-39	4-54	6-11
	16	12-21	3-38	6-26	7-38	4-39	4-54	6-11
	17	12-21	3-38	6-25	7-37	4-39	4-54	6-11
	18	12-20	3-37	6-25	7-37	4-38	4-53	6-10
	19	12-20	3-37	6-24	7-36	4-38	4-53	6-10
	20	12-20	3-37	6-24	7-36	4-37	4-52	6-09
	21	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-30 tengah hari.

Perkhidmatan Talipon Antara Brunei dan Hong Kong

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Talikom Brunei telah mengeluarkan satu siaran mengenai peratoranan bayaran bagi pengguna2 talipon antara Negeri Brunei dengan Hong Kong, Australia dan New Zealand.

Perkhidmatan talipon antara Negeri Brunei dan Hong Kong akan di-buka pada 15 September, 1965 (hari ini) dan bayaran bagi orang2 yang akan menggunakannya ia-lah sa-banyak \$16.20 bagi tiga minit.

Bayaran tambahan jika lebeh di-gunakan dalam jangka tiga minit ia-lah sa-banyak \$5.40 saminit.

Perkhidmatan talipon antara Negeri Brunei dengan Australia dan New Zealand telah juga di-buka baru2 ini.

Bayaran bagi tiga minit ia-lah sa-banyak \$28.80 dan jika lebeh dari 3 minit di-gunakan, maka bayaran tambahan akan di-kenakan sa-banyak \$9.60 bagi satu minit.

Peraduan Seni Lukis

BANDAR BRUNEI.—Peraduan Seni Lukis, Sculpture dan Potograp bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari Sabtu 18 September.

Semua lukisan, sculpture atau potograp yang hendak di-perandingkan hendaklah di-hantar tidak lewat dari hari ini kepada Setia Usaha, Peraduan tersebut di-Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei.



Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Belait 6 Usol Di-Luluskan

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait telah mengadakan persidangan-nya yang ke-enam di-Bilek Persidangan, Pejabat Kerajaan Kuala Belait baru2 ini.

Dalam mashuarat tersebut, 15 usol telah di-bentangkan dan enam daripada-nya telah di-luluskan.

Tiga daripada usol yang lain lagi itu telah di-tarek balek oleh yang ampunya usol dan enam di-tolak.

Tiga daripada usol yang di-luluskan ia-lah meminta kerjasama pehak Sharikat Pengangkutan Belait Bersatu dan Sharikat Minyak B.S.P. mengadakan Rumah Pertedohan Bas di-beberapa jalan raya di-Seria; menasihatkan kerajaan supaya ber-setuju meluluskan satu peti surat

di-letakkan di-seberang Kuala Belait dan menyegerakan lantikan jawatan2 penghulu atau ketua2 kampung, yang maseh kosong dalam daerah itu.

Tiga puluh soalan yang di-beri notis oleh lapar orang ahli di-pilih telah menerima jawapan2 yang memuaskan.

Soal2an itu termasuklah antara lain, mengenai Jabatan Pertanian Daerah Belait, Jalan Raya Andulau, Pejabat Buroh dan Imigrishen, dan pembinaan jalan2 kechil di-luar bandar di-Daerah Belait.

Orang2 Tiong Hua di-Bandar Brunei dan Muara telah mengadakan satu majlis jamuan untuk meraikan Pengantin Diraja, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei baru2 ini. Dalam gambar ini kelihatan dari kanan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota; Awang Ong Kim Kee (berucap bagi pehak orang2 Tiong Hua tempatan); Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun dan lain2-nya.

Kadet2 A. M. D. B. Berlateh Di-U.K.

BERAKAS. — Awang Ishak bin Haji Abdul Hamid dan Awang Mohamed Yusof Metusin, dua orang Kadet dari Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom dengan kapal terbang pada petang hari Khamis 9 September.

Mereka akan menghadhiri latihan tentera di-Akademi Tentera Diraja Sandhurst selama kira2 dua tahun.

Pertanian Boleh-lah Di-Katakan Sa-Bagai Tulang Belakang Kapada Negara — Kata Y. B. Awang Haji Jamil

BANDAR BRUNEI. — Pertanian itu ada-lah satu perkara yang sangat penting kapada sesuatu negara dan boleh-lah juga di-katakan sa-bagai tulang belakang kapada negara. Demikian kata Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, selaku Pengerusi Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei di-majlis pembukaan rasmi Pertunjukan Pertanian itu di-bangunan sementara Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei pada hari Juma'at 3 September, 1965.

Dalam ucapan beliau, antara-nya Yang Berhormat Awang Haji Jamil menegaskan bahawa sebab pun beliau berkata sa-demikian, ia-lah kerana sesuatu perkara yang di-kehendaki oleh negara itu boleh-lah di-katakan ham-pir2 bergantung kapada pertanian, sa-umpama-nya makanan yang kita makan, pakaian yang kita gunakan,

barang2 yang kita usahakan dan sa-bagai-nya.

Sebab itu, kata beliau, terbit satu pepatah yang mengatakan bahawa kemajuan sa-buah negeri itu ada-lah di-umpamakan sa-bagai sa-suat pokok, perusahaan di-sifatkan sa-bagai akar-nya.

Jika kira-nya akar pokok itu tidak tumbuh dengan subur atau perjalanan pertumbuhan-nya tidak betul, maka pokok itu akan merana dan mati.

Seterus-nya Yang Berhormat Awang Haji Jamil berkata bahawa sa-bagai pengetahuan para badhirin di-majlis itu, di-Brunei pada masa ini ada lebeh kurang 100,000 orang penduduk2-nya.

Chuba-lah renongkan berapa banyak beras, gula, kopi, sayur2, buah2-an dan sa-bagai-nya yang di-kehendaki oleh penduduk2 negeri ini sadalah sudah di-dapati banyak-tahun. Kalau sudah di-dapati banyak-nya Awang dan Dayang2 sekalian akan dapat mengagak berapa harga-pula, maka dari harga itu-lah kita akan keluarkan wang dari negeri ini keluar negeri untuk membeli-nya, jika

barang2 itu tidak di-usahakan di-negeri ini.

Ini bukan hanya akan melemahkan tulang belakang kita, tetapi juga akan menyusahkan kapada kita sendiri jika kira-nya kita tidak dapat barang2 itu. Sa-telah kita ketahui berapa banyak wang itu, mari kita kira pula berapa banyak tanah2 yang akan di-gunakan untuk pertanian itu untuk menghasilkan barang2 yang di-kehendaki oleh 100,000 orang dan di-kaji pula keadaan tanah yang di-chadang untuk tanaman itu, sama ada tanah itu sesuai atau tidak dengan tanam2an yang hendak di-chadangkan itu dan di-kaji juga berapa banyak orang2 yang hendak di-gunakan untuk menjalankan pekerjaan yang di-kehendaki itu dan di-sesuaikan pula pelajaran2 itu patut di-berikan kapada petani2 itu supaya petani2 itu dapat menghadapi masalah dalam lapangan pertanian yang berkehendakan penyelesaian itu.

Maka dari periklanan ini, akan dapat perkara2 yang di-kehendaki itu sa-bagai jadi asas kapada ranchangan yang hendak kita jalankan, kata-nya.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil

berkata pula bahawa ini-lah tujuan utama Kerajaan mengadakan Pertunjukan yang seperti ini pada tiap2 tahun untuk mempertunjukan kapada penduduk2 negeri ini keadaan penghasilan pertanian yang di-usahakan di-dalam negeri ini untuk perhatian ramai supaya penduduk2 negeri ini mengetahui keadaan kedudukan kemajuan pertanian negeri ini.

Maka dengan jalan itu, kata lagi beliau, akan terbit-lah kesedaran dan keinsafan mengenai keadaan pertanian yang sangat mustahak ini supaya dapat di-fikirkan bersama dan kerjasama dari penduduk2 negeri ini untuk menayakan kemajuan pertanian itu, agar bertambah2 dari sa-tahun ka-satahun supaya kedudukan perekonomian yang menjadi tulang belakang negara itu akan kuat dan kukuh.

Beliau telah menyampaikan ucapan terima kasih kapada petani2 yang telah mengambil berat memberikan kerjasama mereka untuk menayakan pertunjukan itu dan berseru kapada mereka dengan kata yang ringkas ia-itu teruskan-lah usaha Awang2 dan Dayang2 untuk menghiasi bumi negara kita dengan tumbuh2an yang menghijau subur. Dan gantikan-lah hutan belukar, kayu kayan, rumput ranting yang tidak mengeluarkan hasil itu dengan tumbuh2an yang berguna sa-hingga merupakan satu lukisan negara yang indah permai.

ISTIADAT2 PERKAHWINAN DI-RAJA DI-ISTANA DARUL HANA

BANDAR BRUNEI — Istiadat2 Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman yang akan di-langsungkan di-Istana Darul Hana mulai pada Hari Rabu ini hingga ka-hari Selasa 21 September, 1965 ada-lah seperti berikut:—

HARI RABU.

15 SEPTEMBER, 1965.

2-00 Petang: Istiadat bersiram berbedak lulutan kepada Puteri Di-Raja dengan tembakan meriam 9 das.

(Istiadat bersiram berkandang dengan kain putih yang dipegang oleh Dayang2 dengan menggunakan ayeng2an terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan di-pasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 Dayang2 serta sa-orang Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan).

Pada malam ini akan di-adakan Istiadat berbedak Di-Raja dan achara2-nya ada-lah seperti berikut:

8-00 Malam: Pembesar2 Negara dan para jemputan hadir di-Balai Singgahsana.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pemancha tiba. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara tiba. Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolikiah tiba. Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi tiba.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri berangkat tiba di-Balai Singgahsana.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela menyambangkan bahawa Majlis telah siap sedia.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menitahkan Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Isteri Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera, Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin, Isteri Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela, Isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja, Isteri Yang Di-Muliakan

Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Di-Raja dan Yang Di-Muliakan Menteri Bini berangkat ka-Bilek Pengangungan menjunjung Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna berangkat ka-Singgahsana Di-Raja, di-Balai Singgahsana dengan diiringi oleh Dayang2 yang membawa Kaskol dan Kamol Persalinan dan pegawai2 yang membawa Alat Kebesaran Di-Raja, ia-itu 12 tumbak, 12 pedang dan 32 sinipit.

—Rombongan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna berangkat tiba di-Balai Singgahsana.

—Istiadat Berbedak Di-Raja di-mulakan dengan di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menchuliki Bedak Di-Raja kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan di-ikuti oleh tembakan meriam 17 das. Istiadat menchuliki Bedak Di-Raja di-ikuti oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri dan pembesar2 negara.

—Do'a Selamat di-bacakan oleh Sahibol Fadzilah Kadzi Daerah Brunei/Muara.

—Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna berangkat dari Balai Singgahsana di-iringi oleh Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, Isteri Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Isteri Yang Berhormat, Timbalan Menteri Besar Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera, Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin, Isteri Yang Berhormat Pehin O.K. Maharaja Di-Raja, Isteri Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Di-Raja dan Yang Di-Muliakan Menteri Bini di-ikuti oleh Dayang2 yang membawa Kaskol dan Kamol Persalinan dan pegawai2 yang membawa Alat Kebesaran Di-Raja ia-itu 12 tumbak, 12 pedang dan 32 sinipit.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela menyambangkan bahawa Istiadat Berbedak Di-Raja telah semporna di-laksanakan.

—Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri berangkat meninggalkan majlis.

—Jamuan ringan di-edarkan.

HARI KHAMIS.

16 SEPTEMBER, 1965.

2-00 Petang: Istiadat bersiram berbedak lulutan kepada Puteri Di-Raja dengan tembakan meriam 9 das.

(Istiadat bersiram berkandang dengan kain putih yang dipegang oleh Dayang2 dengan menggunakan ayeng2an yang terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan di-pasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 Dayang2 serta sa-orang Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan).

8-00 malam Istiadat berjaga-jaga di-Istana Darul Hana.

—Temasha permainan yang berupa hiburan di-kawasan Istana dan Padang Besar Bandar Brunei.

HARI JUMA'AT

17 SEPTEMBER, 1965

2-00 Petang: Istiadat bersiram berbedak lulutan kepada Puteri Di-Raja dengan tembakan meriam 9 das.

(Istiadat bersiram berkandang dengan kain putih yang dipegang oleh Dayang2 dengan menggunakan ayeng2an terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan di-pasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 Dayang2 serta sa-orang Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan).

8-00 malam Istiadat berjaga-jaga di-Istana Darul Hana.

—Temasha permainan yang berupa hiburan di-kawasan Istana dan Padang Besar Bandar Brunei.

HARI SABTU,

18 SEPTEMBER, 1965

2-00 Petang: Istiadat bersiram berbedak lulutan kepada Puteri Di-Raja dengan tembakan meriam 9 das.

(Istiadat bersiram berkandang dengan kain putih yang dipegang oleh Dayang2 dengan menggunakan ayeng2an yang terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan di-pasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan).

ISTIADAT BERINAI DI-RAJA DI-BILEK PENGANGUNAN DI-RAJA ISTANA DARUL HANA BRUNEI

8-00 malam Pembesar2 negara dan para jemputan hadir di-Istana Darul Hana.

—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha tiba.

—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara tiba.

—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolikiah tiba.

—Yang Terutama Tuan Pesuruhjaya Tinggi British tiba.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela menjunjung Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Raja Isteri serta pembesar2 negara berangkat ka-Bilek Pengangungan Di-Raja.

—Istiadat Berinai Di-Raja di-mulakan dengan di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan diiringi dengan tembakan meriam 17 das serta di-ikuti pula oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri dan pembesar2 negara.

HARI KHAMIS

—Bachan Do'a Selamat oleh Sahibol Fadzilah Kadzi Daerah Brunei/Muara.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela menyambangkan bahawa Istiadat telah semporna di-laksanakan.

—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri berangkat meninggalkan majlis.

—Jamuan ringan di edarkan.

ISTIADAT BERSANDING

DI-BALAI SINGGAHSANA, ISTANA DARUL HANA, BRUNEI.

HARI AHAD,

19 SEPTEMBER, 1965.

2-00 petang Istiadat bersiram berbedak lulutan kepada Puteri Di-Raja dengan tembakan meriam 9 das.

(Istiadat bersiram berkandang dengan kain putih yang dipegang oleh Dayang2 dengan menggunakan ayeng2an terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan di-pasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 Dayang2 serta sa-orang Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan).

3-00 petang Pembesar2 negara dan para jemputan hadir di-Balai Singgahsana, dan kawasan Istana.

—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha tiba.

—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolikiah tiba.

—Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British tiba.

—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri berangkat ka-Balai Singgahsana.

—Rombongan Pehin2 daripada Pengantin Lelaki mengangatkan tiga kali berturut2 ka-Istana Darul Hana.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong menyambangkan bahawa majlis telah siap sedia.

—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menitahkan Isteri Pengiran Shahbandar, Isteri Menteri Besar, Isteri Timbalan Menteri Besar, Isteri Pengiran Kerma Indera, Isteri Pengiran Muda Kemaludin, Isteri Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela, Isteri Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja, Isteri Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Di-Raja dan Yang Di-Muliakan Menteri Bini berangkat ka-Bilek Pengangungan Di-Raja menjunjung Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna berangkat ka-Balai Singgahsana.

—Yang Teramat Mulia Pengiran

(Lihat muka 5)



Gambar di-atas menunjukkan dayang2 yang membawa gangsa2 yang ber isi dengan surat "Mahar" atau "Berian" dan "gantian2" di-Istiadat menghantar Tanda Pertunangan Diraja.

ISTIADAT2 PERKAHWINAN DI-RAJA DI-RUMAH Y. T. M. DULI PENGIRAN BENDAHARA

BANDAR BRUNEI. — Istiadat2 Perkahwinan Diraja di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman yang akan di-langsungkan di-Rumah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara mulai pada hari Rabu ini hingga ka-hari Selasa 21 September, 1965 ada-lah seperti berikut:—

HARI RABU,

15 SEPTEMBER, 1965

1-30 petang Istiadat berbedak-bedak lulutan dan bersiram kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-mulakan dengan tembakan meriam sa-banyak 7 das.

—(Istiadat bersiram berkandang kain puteh yang di-pegang oleh Dayang2 dengan menggunakan ayeng2an terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan dipasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 Dayang2 serta sa-orang Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan).

8-00 malam Istiadat berjaga-jaga dan persembahan hiburan di-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara di-mulakan.

ISTIADAT AKAD NIKAH
DI-RAJAH DI-ISTANA DARUS-SALAM KAMPONG SUMBILING
PADA HARI KHAMIS
16 SEPTEMBER, 1965.

11-00 pagi Istiadat berbedak-bedak lulutan dan bersiram kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-mulakan dengan tembakan meriam sa-banyak 7 das.

—(Istiadat bersiram berkandang kain puteh yang di-pegang oleh Dayang2 dengan menggunakan ayeng2an terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan dipasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 Dayang2 serta sa-orang Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan).

2-00 petang Pembesar2 Negara, Pengiran2 dan para jemputan tiba di-Istana Darussalam Kampung Sumbiling.

3-00 petang Yang Amat Mulia Pengiran Muda Chuchu Besar, Yang Mulia Pengiran Ibrahim, Yang Mulia Pengiran Damit dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar naik ka-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara menjunjung Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

3-30 petang Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman dan Rombongan berangkat ka-Istana Darussalam dengan di-iringi oleh alat Kebesaran Di-Raja ia-itu 8 tumbak, 8 pedang dan 20 sinipit.

—Ketibaan Rombongan Di-Raja di-alu2kan oleh Pehin2 dan Pegawai2 Masjid yang di-ketuai oleh Yang Mulia Kadzi Daerah Brunei/Muara.

—Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berangkat dan duduk di-atas Kasor Namat yang di-keilingi oleh Dian Empat yang sedia terpasang yang di-hadapi oleh 4 orang Awang2 yang berpakaian istiadat.

3-45 petang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Rombongan berangkat tiba di-Istana Darussalam.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar menyembahkan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara bahawa Majlis Istiadat telah siap sedia.

—Yang Teramat Mulia Seri Pa-

duka Duli Pengiran Bendahara menyabdakan supaya Istiadat di-jalankan.

—Istiadat Mengakad Nikah pun di-jalankan oleh Yang Amat Mulia Kadzi Besar Brunei dan di-iringi oleh tembakan meriam sa-banyak 9 das menandakan Istiadat Meng'akad Nikah di-jalankan.

—Do'a Selamat di-bachakan oleh Tuan Kadzi Daerah Brunei/Muara.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar menyembahkan Istiadat telah sempurna di-laksanakan.

—Istiadat 'Akad Nikah selamat sempurna Rombongan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman meninggalkan Istana Darussalam.

8-00 malam Istiadat berjaga-jaga dan persembahan2 hiburan di-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara di-mulakan.

HARI JUMA'AT

17 SEPTEMBER, 1965

3-30 petang Istiadat berbedak-bedak lulutan dan bersiram kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-mulakan dengan tembakan meriam sa-banyak 7 das.

8-00 malam Istiadat berjaga-jaga dan persembahan2 hiburan di-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara di-mulakan.

ISTIADAT BERBEDAK DI-RAJA

8-30 malam Pembesar2 Negara, Pengiran2 dan para jemputan hadir di-Balai Penghadapan Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

9-30 malam Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Pengiran Bini tiba.

9-35 malam Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Pengiran Isteri tiba.

9-40 malam Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British Awang F. D. Webber tiba.

9-45 malam Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha

Mulia Seri Paduka Raja Isteri dan Rombongan berangkat tiba di-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana menyembahkan bahawa Majlis telah siap sedia.

—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara menyabdakan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Chuchu Besar, Yang Mulia Pengiran Damit, Yang Mulia Pengiran Ibrahim dan Pehin Orang Kaya Shahbandar masuk ka-dalam menjunjung Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berangkat ka-Balai Penghadapan.

—Rombongan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berangkat tiba di-Balai Penghadapan.

—Istiadat Berbedak Di-Raja di-mulakan dengan di-dahului oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menchuliki Bedak Di-Raja kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman diikuti oleh tembakan meriam 9 das, istiadat menchuliki bedak di-ikuti oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Duli Raja Isteri dan Pembesar2 Negara.

—Do'a Selamat di-bacha oleh Tuan Kadzi Daerah Temburong.

—Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berangkat dari Balai Penghadapan di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Chuchu Besar, Yang Mulia Pengiran Damit, Yang Mulia Pengiran Ibrahim dan Pehin Orang Kaya Shahbandar.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana menyembahkan bahawa Istiadat Berbedak Di-Raja telah sempurna di-laksanakan.

—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri berangkat meninggalkan majlis.

—Jamuan ringan di-edarkan.

—Istiadat berjaga-jaga dan persembahan2 hiburan di-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara di-mulakan.

HARI SABTU,

18 SEPTEMBER, 1965

3-30 petang Istiadat berbedak-bedak

lulutan dan bersiram kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-mulakan dengan tembakan meriam sa-banyak 7 das.

—(Istiadat bersiram berkandang kain puteh yang di-pegang oleh Dayang2 dengan menggunakan ayeng2an terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan dipasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 Dayang2 serta sa-orang Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan).

8-00 malam Istiadat berjaga-jaga dan persembahan hiburan di-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

ISTIADAT BERINAI DI-RAJA

8-30 malam Pembesar2 Negara, Pengiran2 dan para jemputan hadir di-Balai Penghadapan Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

9-30 malam Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Pengiran Bini tiba.

9-35 malam Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Pengiran Isteri tiba.

9-40 malam Yang Terutama Tuan Pesuruh Jaya Tinggi British Awang F. D. Webber tiba.

9-45 malam Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri dan rombongan berangkat tiba di-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana menyembahkan bahawa Majlis telah siap sedia.

—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara menyabdakan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Chuchu Besar, Yang Mulia Pengiran Damit, Yang Mulia Pengiran Ibrahim dan Pehin Orang Kaya Shahbandar masuk ka-dalam menjunjung Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berangkat ka-Balai Penghadapan.

—Rombongan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berangkat tiba di-Balai Penghadapan.

—Istiadat Berbedak Di-Raja di-mulakan dengan di-dahului oleh

(Lihat muka 8)

Istiadat2 Perkahwinan Di-Raja Di-Istana

(Dari muka 4)

Anak Puteri Masna di-iringi oleh Isteri Pengiran Shahbandar, Isteri Menteri Besar, Isteri Timbalan Menteri Besar, Isteri Pengiran Kerma Indera, Isteri Pengiran Muda Kemaludin, Isteri Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela, Isteri Pehin Orang Kaya Maharaja Di-Raja, Isteri Pehin Orang Kaya Sanggamara Setia Di-Raja dan Yang Di-Muliakan Menteri Bini serta di-iringi oleh Dayang2 yang membawa Kaskol dan Kamol Persalinan dan 7 orang pahawai perempuan yang memegang 1 puan, 1 tarian, 1 kabok, 1 panastan, 1 kiap, 1 chupu, dan 1 pesigupan serta pegawai2 yang memegang Perhiasan Di-Raja ia-itu 12 tumbak, 12 pedang dan 32 sinipit berangkat tiba di-Balai Singgahsana.

—Pengantin Di-Raja Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-apit oleh Pengiran Shahbandar dan di-iringi oleh Pembesar2 negara di-ikuti oleh 2 orang kanak2 pahawai lelaki

(sa-orang memegang keris dan sa-orang memegang kaskol), sa-orang Pengiran (perempuan) yang memakai pakaian sepangad gadang yang di-iringi oleh sa-orang Dayang2 yang membawa Kaskol Langguai serta 7 orang Pahawai Dayang2 yang membawa 1 puan, 1 tarian, 1 kabok, 1 panastan, 1 kiap 1 chupu dan 1 pesigupan serta pegawai2 yang memegang Alat Kebesaran Di-Raja, 8 tumbak, 8 pedang dan 20 sinipit tiba di-Istana Darul Hana.

—Istiadat Bersanding di-lakukan di-ikuti dengan tembakan meriam sa-banyak 17 das serta di-iringi dengan Selawat dan bache'an Do'a Selamat oleh Sahibol Fadzilah Dadzi Daerah Brunei/Muara.

—Kedua Pengantin Di-Raja berarak berkeliling Bandar Brunei dengan di-iringi oleh pembesar2 negara serta dua orang kanak2 pahawai lelaki (sa-orang memegang keris dan sa-orang memegang kaskol) sa-orang perempuan (Pengiran) yang berpakaian

sapangad gadang yang di-iringi oleh sa-orang Dayang2 membawa Kaskol Langguai serta 14 orang pahawai perempuan yang membawa 2 puan, 2 tarian, 2 kabok, 2 panastan, 2 kiap, 2 chupu, 2 pesigupan serta pegawai2 yang memegang Perhiasan Di-Raja ia-itu 16 tumbak, 16 pedang dan 40 sinipit yang di-dahului perjalanan-nya oleh Pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pencharagam Polis Brunei. (Susunan perjalanan mengikut peraturan yang di-khaskan).

—Rombongan Perarakan Pengantin Di-Raja berangkat balek ka-Istana Darul Hana, Brunei.

8-00 malam Istiadat berjaga-jaga di-Istana Darul Hana. Temasha permainan yang berupa hiburan di-kawasan Istana dan Padang Besar Bandar Brunei.

20/21 SEPTEMBER, 1965

8-00 malam Istiadat berjaga-jaga dan temasha permainan di-Istana Darul Hana.

Sedikit Tentang Diri Bakal Pengantin Baru Diraja

HANYA tinggal 4 hari saja lagi dari hari ini, maka akan berlangsung-lah hari perkahwinan diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

Keramaian2 yang berupa hiburan dan berbagai2 permainan bagi mengalu2kan hari perkahwinan antara putera puteri diraja itu sejak beberapa hari yang lalu telah di-langsungkan di-ibu negeri ia-itu di-Bandar Brunei.

Bagitu juga di-Istana Darul Hana dan di-Rumah Besar, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, istiadat jaga-jaga yang di-isikan dengan beraneka chorak permainan dan hiburan telah berlangsung sejak 7 September yang lalu dan sa-genap lapisan ra'ayat telah berduyun2 datang ka-kawasan2 permainan itu dengan keinderaan2 yang di-sediakan dan keinderaan sendiri.

Istiadat berjaga2 itu akan berakhir pada 27 September, 1965.

PUTERI SULONG

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna ia-lah puteri sulong kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri Anak Damit.

Puteri rupawan itu telah di-lahirkan di-Istana Darussalam, Kampong Sumbiling, Bandar Brunei pada 6 September, 1948. Berpendidikan Inggeris, Ugama dan Melayu di-Sekolah Diraja Istana Darul Hana, kemudian di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna ada-lah sa-orang puteri diraja yang chenderong dan chergas dalam hal2 kebajikan dan puteri rupawan itu juga pada masa ini ada-lah Pe-



Pengiran Anak Puteri Masna.

naong kepada Pasokan Palang Merah Negeri Brunei.

Sa-lain dari tekun menghadapi segala pelajaran-nya, Yang Teramat Mulia itu ada-lah sa-orang yang pandai jimat chermat dan urusan rumah tangga.

Pengiran Anak Puteri Masna juga ada-lah sa-orang puteri diraja yang peramah, bersopan santun kepada orang2 yang peringkat tua dan orang yang di-pandang lebeh tua daripada umur-nya.

Di-samping itu, Yang Teramat Mulia juga suka beramah tamah dengan ra'ayat dan di-hormati oleh adinda2-nya dan di-waktu lapang gemar memandu kereta.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna pernah melawat keluar negeri saperti Malaysia dan Eropah.

Bakal suami puteri rupawan

itu, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman ia-lah putera yang ke-enam kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Anak Puteri Besar.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-lahirkan di-Istana Darussalam Kampong Sumbiling, Bandar Brunei pada 16 Julai, 1946 dan berpendidikan Inggeris, Ugama dan Melayu.

BEKAS PENUNTUT

Pengiran Muda Abdul Rahman telah belajar di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan sa-belum itu menuntut di-Sekolah Inggeris Gurney School, Kuala Lumpur.

Beliau juga ada-lah di-kenal sabagai sa-orang putera diraja yang chenderong dan chergas dalam hal2 kebajikan sa-lain dari tekun pada menghadapi segala pelajaran-nya.

Di-samping itu, Pengiran Muda Abdul Rahman ada-lah sa-orang yang pandai jimat chermat, peramah, sopan santun kepada peringkat tua dan orang2 yang di-pandang lebeh tua dari umornya.

Dalam masa kelapangan, Pengiran Muda gemar memandu kereta, bermain bulu tangkis, sepak raga, bola sepak dan bermain alat2 musik dan suka beramah tamah dengan ra'ayat serta di-hormati oleh adinda2-nya.

Pertalian keluarga pengantin diraja itu ada-lah sepupu dari hubungan adek-beradek antara Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan ayahanda kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Anak Puteri



Pengiran Muda Abdul Rahman.

Besar bonda kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

Sementara, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri Anak Damit bonda kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna ada-lah adinda kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim, ayahanda kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

Guru2 Tempatan Ka-Singapura dan Malaya

BERAKAS — Sa-ramai 12 orang guru2 Ugama Brunei, termasuk lapan orang perempuan, telah berangkat dengan kapal terbang pada petang 13 September dari Brunei ka-Singapura, untuk melawat sambil belajar di-Singapura dan Malaya sa-lama tiga minggu.

Sa-masa mereka berada di-kedua2 buah negeri itu, mereka akan melawat sekolah2 Ugama di-Singapura, Johore, Melaka dan Selangor.

Satu rombongan lain sa-ramai 8 orang, semua-nya guru lelaki, telah berangkat kelamarin, juga ka-Singapura dan Malaya.

Sementara itu pada pagi 13 September, sa-ramai 59 orang penuntut Maktab Perguruan Melayu Brunei, termasuk 14 orang perempuan, telah berangkat ka-Labuan dalam peringkat pertama perjalanan mereka ka-Singapura dan Malaya, untuk melawat sambil belajar di-kedua2 buah negeri itu.

Sa-masa mereka berada disana, mereka akan melawat maktab2 perguruan, sekolah2 menengah dan tinggi.

Dalam perjalanan mereka dari Brunei ka-Singapura, mereka telah di-ketuai oleh Chegu Awang Yahya bin Ahmad dan Chegu Dayang Halimah binte Bungsu, kedua2-nya pensharah di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Pertandingan Awang Dan Dayang Brunei

BANDAR BRUNEL — Pertandingan untuk merebutkan gelaran2 "Awang Brunei, Dayang Brunei dan Ratu Kebaya Tahun 1965" akan di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam 17 September.

Temasha tersebut akan di-adakan sa-bagai menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Peserta2 yang berjaya menjadi Johan dalam Pertandingan2 Awang dan Dayang Brunei akan di-berikan hadiah tambang perchuma dengan kapal terbang dari Brunei ka-Hong Kong dan balek ka-Brunei.

Wanita yang menjadi Johan dalam Pertandingan Ratu Kebaya akan di-berikan hadiah tambang perchuma dari Brunei ka-Jesselton dan balek ka-Brunei.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin telah merasmikan pembukaan Masjid Kampong Kasat di-Daerah Brunei baru2 ini. Gambar ini di-ambil semasa Yang Amat Mulia

Pengiran Dato Paduka Kamaluddin (memakai kacha mata hitam) berjalan menuju ka-Masjid tersebut sa-telah mendarat dengan helikopter dari Lapangan Terbang Brunei. Gambar kiriman Awang Sawas bin Jabat, Kampong Kasat, Brunei.

Masa'alalah Pertanian Di-Negeri Brunei

PADA 3 September yang baru lalu telah di-adakan Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei kali yang ke-17 bertempat di-Bangunan Sementara Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Tujuan pokok bagi mengadakan pertunjukan itu ada-lah sa-bagai satu gerakan Jabatan Pertanian Negara bagi mempamerkan kepada ra'ayat supaya dapat bersama2 membandingkan dan mengukur sa-jauh mana kemajuan pertanian yang telah di-chapai di-negeri ini baik dari usaha2 Kerajaan mau pun yang di-usahakan oleh penduduk negeri ini.

Pertanian ada-lah satu perkara yang sangat penting dan di-sifatkan sa-bagai tulang belakang kepada sa-buah negara, kerana sa-suatu perkara yang di-kehendaki oleh negara itu hampir2 bergantung kepada hasil2 pertanian, terutama-nya makanan.

KEMAJUAN

Memandang kepada keadaan demikian, maka dapat-lah kita memahami bagaimana pentingnya pertanian itu kepada negara dan ra'ayat dan boleh-lah kita mentafsirkan bahawa kuat dan kokoh-nya sa-buah negara itu ada-lah banyak bergantung dari kemajuan pertanian-nya.

Negeri Brunei ada-lah terkenal dengan ketegohan perekonomiannya yang berpuncha dari hasil minyak-nya, tetapi kita belum lagi menchapai ka-taraf kemajuan yang di-kehendaki dari segi pertanian.


Kerajaan ada-lah menyedari akan hal ini dan untuk mengatasinya usaha2 yang wajar telah dan sedang di-jalankan dengan pesatnya di-dalam peringkat pertama ia-itu sa-bagai perhubungan dan penelitian.

BERUSAHA

Dalam beberapa bulan yang lalu, ia-itu sa-lepas pilehan raya umum selesai di-jalankan, sa-orang Penolong Menteri Pertanian yang di-pilih dari wakil ra'ayat telah di-lantek dan kementerian ini nanti ada-lah yang akan berusaha bagi memajukan pertanian di-negeri ini.

Penolong Menteri Pertanian yang baru di-lantek itu, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dalam ucapan-nya di-upacara pembukaan rasmi pertunjukan pertanian itu telah menyatakan tentang langkah2 yang sedang di-buat oleh kementerian-nya.

Beliau menyatakan bahawa kementerian-nya sedang mempelajari dan mengkaji projek2 pertanian dan akan mengurak langkah sa-tapak demi sa-tapak



Jabatan Pertanian telah mengusahakan perhubungan ternakan ikan dan dalam gambar ini salah satu jenis ikan yang dalam perhubungan itu yang telah di-tunjukkan dalam pertunjukan pertanian baharu2 ini.

biarkan keadaan negara yang serba kekurangan ini sampai berlarut2.

Beliau sa-terus-nya telah me-

dalam menuju ka-araf satu titek yang akan membawa ka-matalamat yang tertentu ia-itu kemakmoran negara, kemewahan dan kebaikan kita bersama.

Pengiran Damit juga telah memberikan pandangan-nya bahawa Brunei ia-lah salah sa-buah negara yang kecil di-Asia, tetapi bumi-nya ada-lah maseh luas yang belum di-gunakan yang menurut beliau segala kemewahan dan kekayaan-nya maseh banyak tersembunyi di-tiap jengkal bumi-nya.

Negeri Brunei masa ini, kata Pengiran Damit, hanya berharap kepada bantuan bahan2 makanan yang di-datangkan dari negeri2 luar.

Oleh itu, kata-nya kita sa-bagai ra'ayat yang menchintai tanah ayer-nya jangan-lah tinggal berpelok tuboh sahaja, jangan-lah di-

Dalam pertunjukan pertanian baharu2 ini telah di-adakan peraduan2 hasil pertanian yang di-usahakan oleh orang kampung. Dalam gambar ini ia-lah sa-jenis lada besar yang mendapat hadiah pertama dalam pertunjukan tersebut.



Pegawai2 Baru Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab SOAS/STPRI

BANDAR BRUNEI. — Badan Seni Budaya Kebangsaan Gabungan Maktab S.O.A.S./S.T.P.R.I. Brunei, telah mengadakan Mashuarat-nya kali yang ke-tiga bertempat di-Maktab S.O.A.S. pada 22 Ogos, 1965.

Ahli-Ahli Jawatan Kuasa baru yang di-lantek pada hari itu ia-lah seperti berikut:

Penaong: Awang I. B. Mc-

MENGHADHIRI MASHUARAT J.K. PENASEHAT HAJI

BERAKAS. — Dua orang wakil2 dari Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei telah berlepas ka-Alor Star, Kedah pada petang hari Juma'at yang lalu untuk menghadhiri Mashuarat Jawatan

Knight (Pengetua Maktab SOAS). Penasehat: Awang Mahmud Bakir.

Pengurus: Awang Morshidi Haji Mohd. Salleh. Setia Usaha: Awang Ahmad Ghafar, Naib Setia Usaha: Dk. Maskatun bte. Pg. Haji Abu Bakar.

Bendahari: Awang A. Ismail Ibrahim. Naib Bendahari: Da-

yang Zaleha Hussain. Pemereksa

Kuasa Penasehat Haji di-Alor Star.

Mereka ia-lah Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin dan Awang Abdul Latiff bin Haji Hashim.

nyeru kepada seluroh ra'ayat terutama sa-kali kepada kaum tani supaya menyerahkan derma bakti mereka kepada negara dan "pergunakan-lah bumi-nya yang subur ini untuk usaha2 pertanian untuk membekali sendiri hidup kita dari masa ka-masa".

Pertunjukan Pertanian itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Timbalan Menteri Besar, merangkap Menteri Pertanian Negara, Yang Berhormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali.

PERTUNJOKAN

Di-pertunjukan itu, beraneka rupa dan jenis pertanian, baik yang di-usahakan Kerajaan maupun orang ramai di-pamerkan, termasuk binatang2 ternakan.

Peraduan2 bagi kesuburan bagi sa-suatu hasil pertanian yang di-usahakan orang ramai, seperti buah2an, bunga2an dan sayur2an telah juga di-adakan.

Pertunjukan yang di-adakan sa-hari telah mendapat sambutan yang memuaskan dari orang ramai dan kebanyakan mereka telah membeli benih2 tanaman yang di-pamerkan di-samping mendengar penerangan2 yang berguna dari pegawai2 Jabatan Pertanian yang bertugas dalam pertunjukan itu.

Kira-Kira: Che'gu Awang Shamsuddin Anang, Awang Zaili Mohd. Yusof.

Ketua2 Seksi:

(a) Bahagian Tari Menari: Awang Ibrahim Johari (b) Bahagian Musik: Awang Sahari Awang Besar, (c) Bahagian Lukisan dan Poster2: Awang Abd. Wahid Hussain, (d) Bahagian Drama: Awang Tamin Abdullah, (e) Bahagian Bahasa dan Persuratan: Awang A. Ismail Ibrahim, (f) Bahagian Sosial: Awang Kasim Johan, Dayang Rosniah Johari — Berita Kiriman: Awang Ahmad Ghafar, Setia Usaha Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab S.O.A.S./S.T.P.R.I.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong

BANGAR. — Tiga usul telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang telah bersidang di-Temburong Club, Bangar pada pagi 13 September.

Dua usul telah di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Haji Abu Bakar bin Baha dan satu usul telah di-kemukakan oleh Yang Mulia Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim bin Akim.

Awang Haji Abu Bakar menhadangkan majlis mengambil keputusan untuk menasihatkan Kerajaan supaya membenakan Rumah2 Kastam pada tiap2 hujung jalan yang bersempadan dengan Daerah Limbang.

Tujuan-nya ia-lah untuk menjamin keselamatan, keamanan dan kesenangan rakyat.

Awang Haji Abu Bakar juga menhadangkan supaya Kerajaan akan dapat membangunkan sebuah Dewan Am di-Daerah Temburong.

Usul yang ke-tiga di-kemukakan oleh Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim meminta Kerajaan supaya mengadakan sa-bidang tanah yang sedia di-bersekan yang chukup dengan tali ayernya. Orang2 yang berkehendakan tanah itu akan membayar harga-nya dengan chara beransor2.

Mashuarat Agong Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN. — Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Bandar Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong-nya kali yang ke-11 di-rumah kesatuan itu pada hari Juma'at 10 September, 1965.

Mashuarat itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Johari bin Abdul Razak bagi pehak Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar.

Di-antara ramai para hadirin di-majlis itu ia-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar yang juga menjadi Penasehat Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan; Nadzir Sekolah2 Melayu Bandar Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh dan lain2-nya.

Sa-belum Awang Johari merasmikan pembukaan Mashuarat Agong kesatuan tersebut beliau telah mengucapkan selamat maju jaya dalam segala lapangan kepada kesatuan tersebut.

Penasehat kesatuan tersebut, Yang Berhormat Awang Haji Mohamed Jamil telah melafadzkan satu ucapan yang berharga di-majlis itu.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil antara-nya telah berseru kepada pemuda-pemudi di-negeri ini supaya mereka belajar bersungguh2 dalam segala lapangan, kerana ilmu pengetahuan itu, kata beliau, sangat-lah penting kepada kita.

Beliau telah mengucapkan Selamat Bermashuarat dengan memperolehi hasil yang baik.

Turut memberi ucapan di-majlis ia-lah Pengerusi Majlis, Awang Taib dan Yang Dipertua kesatuan tersebut Awang Yassin Said.

Majlis itu di-mulakan dengan bacaan Do'a Selamat yang disampaikan oleh Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim. Pegawai Daerah Temburong Pengiran Syed Shahminan bin Pengiran Haji Syed Mashore telah hadir sa-bagai pengerusi.

LUMBA BASIKAL

BANDAR BRUNEI. — Satu perlumbaan basikal akan di-adakan di-Jalan Ong Sum Ping, Kawasan Tongkadeh, Bandar Brunei pada pukul 9 pagi hari Ahad 26 September, sa-bagai menyambut Haji Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Perlumbaan basikal itu di-bahagikan kepada Bahagian2 Senior, Junior, Orang2 Dewasa dan Perempuan.

Peserta2 Bahagian Senior, Junior dan Orang2 Dewasa akan berlumba sa-jauh 10 batu, ia-itu 20 kali pusingan keliling kawasan tersebut. Peserta2 Bahagian Perempuan pula akan berlumba sa-jauh 5 batu, ia-itu 10 kali pusingan kawasan itu.

Pesta Tarian Kebudayaan Brunei Asli

BANDAR BRUNEI. — Pesta Peraduan2 Tarian Kebudayaan Brunei Asli dan Berbalas Pantun akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei dalam bulan ini sa-bagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Perkara tersebut telah di-persetujui dalam Mashuarat Jawatan Kuasa Kesenian dan Kebudayaan Antara Bangsa kerana sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Perkahwinan Diraja yang telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada petang hari Isnin yang lalu.

Tarian2 yang akan di-pertandingkan dalam peraduan Tarian Kebudayaan itu ia-lah: (1) Zapin, (2) Samalindang, (3) Adai2, (4) Radai dan (5) Anding.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia dan badan2 persekolahan di-seluruh Negeri Brunei. Tiap2 badan itu boleh memilih salah satu daripada tarian2 tersebut di-atas.

BERBALAS PANTUN

Sementara itu, Pengerusi Peraduan Berbalas Pantun, Awang Md. Ali bin Md. Yusof berharap kepada Persatuan2 Belia dan Badan2 persekolahan di-Negeri Brunei yang chenderong dan ingin memasuki peraduan ini menghantarkan wakil satu pasukan sahaja yang mengandungi 3 orang peserta, sama ada lelaki atau perempuan.

Permohonan bagi memasuki Peraduan Berbalas Pantun itu, sila-lah berhubung dengan Pengerusi atau Setia Usaha Peraduan Pantun, Awang Mahmud bin Bakir d/a Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sa-belum 20 September, 1965.

Istiadat Perkahwinan Di-Raja Di-Rumah Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara

(Dari muka 5)

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan menchuliki Bedak Di-Raja kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-ikuti oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri dan Pembesar2 Negara.

Do'a Selamat di-bachakan oleh Tuan Kadzi Daerah Temburong.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berangkat dari Balai Penghadapan di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Chuchu Besar, Yang Mulia Pengiran Damit, Pengiran Ibrahim dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana menyembahkan bahawa Istiadat Berbedak Di-Raja telah semporna di-laksanakan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri berangkat meninggalkan majlis.

Jamuan ringan di-edarkan.

Istiadat Berjaga-jaga dan persembahan2 hiboran di-kawasan Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara di-mulakan.

ISTIADAT PERKAHWINAN

DI-RAJA PADA HARI AHAD

19 SEPTEMBER, 1965

11-00 pagi Istiadat Berbedak-bedak dan bersiram kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-mulakan dengan tembakan meriam 12 das.

(Istiadat bersiram berkandungan kain puteh yang di-pegang oleh Dayang2 dengan menggunakan anyeng2an terdiri dari ayeng bunga, ayeng langir, ayeng limau dan ayeng chendana dengan di-pasangkan dian 16 batang yang di-pegang oleh 16 Dayang2 serta sa-orang Dayang2 yang membawa Kamol Persalinan).

2-30 petang Pembesar2 Negara, Pengiran2, dan para2 jemputan hadir di-Balai Penghadapan Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

—Rombongan Pehin2 daripada Rumah Besar Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara mengantikan tiga kali berturut2 ka-Istana Darul Hana.

—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana menyembahkan bahawa majlis telah siap sedia.

—Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara menyabdakan Yang Amat Mulia, Pengiran Muda Omar Ali, Yang Amat Mulia, Pengiran Muda Chuchu Besar, Yang Mulia, Pengiran Haji Mohammad dan Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Shahbandar menjunjung Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berangkat ka-Balai Penghadapan dengan di-iringi oleh 2 orang kanak2 Pahawai lelaki (sa-orang membawa keris dan sa-orang membawa kaskol) sa-orang Pengiran (perempuan) yang memakai pakaian sapangadak gadong yang di-iringi oleh sa-orang Dayang2 yang membawa kaskol langguai serta 7 orang pahawai perempuan yang memegang 1 puan, 1 tarian, 1 kabok, 1 penastan, 1 kiap, 1 chipu dan 1 pesigopon dan di-iringi oleh alat Kebesaran di-Raja ia-itu 8 tumbak, 8 pedang dan 20 sinipit.

—Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman berangkat ka-Balai Penghadapan dan di-dudukkan di-tempat yang di-khaskan.

—Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-tuntun oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar dengan di-iringi oleh Pembesar2 Negara serta sa-orang pembawa kiap, dua orang Kanak2 Pahawai lelaki yang memegang keris dan kaskol serta di-iringi oleh sa-orang Pengiran (Perempuan) yang berpakaian sapangadak gadong yang di-iringi oleh sa-orang pahawai perempuan yang memegang alat kebesaran 1 puan, 1 tarian, 1 kabok, 1 penastan, 1 kiap, 1 chipu dan 1 pesigopon serta Pegawai2 yang memegang alat Perhiasan Kebesaran Di-

Raja ia-itu 8 tumbak, 8 pedang dan 20 sinipit berangkat menuju ka-Istana Darul Hana. Perarakan mengikut susunan yang di-khaskan.

—Istiadat Bersanding di-mulakan serta di-ikuti dengan salawat dan tembakan meriam 17 das serta Do'a Selamat di-bachakan oleh Yang Mulia Kadzi Daerah Brunei/Muara.

—Kedua Pengantin Di-Raja berarak berkeliling Bandar Brunei dengan di-iringi oleh Pembesar2 negara serta sa-orang Pengiran (perempuan) yang memakai pakaian sapangadak gadong yang di-iringi oleh sa-orang Dayang2 yang membawa Kaskol langguai sa-orang pembawa kiap dan 2 orang kanak2 pahawai lelaki yang memegang keris dan kaskol serta di-iringi oleh 7 orang pahawai perempuan yang memegang 2 puan, 2 tarian, 2 kabok, 2 penastan, 2 kiap, 2 chipu dan 2 pesigopon serta Pegawai yang memegang Perhiasan Di-Raja ia-itu 16 tumbak, 16 pedang dan 40 sinipit, yang di-dahului perjalanan-nya oleh Pencharagam Askar Melayu Di-Raja dan Pencharagam Polis Brunei. Susunan perjalanan perarakan mengikut peratoran yang di-khaskan. Rombongan Perarakan Pengantin Di-Raja berangkat balek ka-Istana Darul Hana.

8-00 malam Persembahan Hiboran2 di-kawasan Rumah Besar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

8-00 malam Istiadat Berjaga-jaga dan Persembahan Hiboran di-kawasan Rumah Besar Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara di-mulakan.

PADA MALAM THALATHA

20 SEPTEMBER, 1965

8-00 malam Istiadat Berjaga-jaga dan Persembahan Hiboran di-kawasan Rumah Besar Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara di-mulakan.

PADA MALAM RABU,

21 SEPTEMBER, 1965

8-00 malam Istiadat Berjaga-jaga dan Persembahan Hiboran di-kawasan Rumah Besar Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara di-mulakan.